



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 51 / 2020**

### **SEMAKAN PUSAT MENGUNDI DAN SALURAN BAGI PILIHAN RAYA UMUM DUN SABAH KE-16 BERMULA HARI INI 7 SEPTEMBER 2020**

1. Semua pengundi yang layak mengundi bagi Pilihan Raya Umum DUN Sabah Ke-16 boleh mula membuat semakan pusat mengundi dan tempat mengundi (saluran) mulai hari ini, 7 September 2020. Semakan boleh dibuat melalui kaedah berikut:

- a) Portal SPR [pengundi.spr.gov.my](http://pengundi.spr.gov.my);
- b) Aplikasi **MySPR Semak**;
- c) Khidmat pesanan ringkas (SMS) (**SPR <jarak> SEMAK <jarak> NOMBOR KAD PENGENALAN** hantar ke nombor **15888**; atau
- d) *Hotline* SPR **03-8892 7018**.

2. Di samping itu, SPR juga meneruskan inisiatif penghantaran kad pengundi (*voter's card*) kepada **1,103,646 orang pengundi biasa** untuk memudahkan pengundi merancang untuk keluar mengundi pada PRU DUN Sabah Ke-16 ini.

3. *Voter's card* ini mengandungi maklumat pusat mengundi, saluran mengundi, nombor bilangan pengundi, tarikh, masa pengundian dan cadangan masa keluar mengundi yang digalakkan. Maklumat tersebut akan memudahkan pengundi untuk keluar mengundi pada hari pengundian pada 26 September 2020 (Sabtu).
4. SPR meletakkan maklumat "MASA KELUAR MENGUNDI YANG DIGALAKKAN" pada *voter's card* bagi setiap pengundi. SPR amat berharap pengundi keluar mengundi mengikut "MASA KELUAR MENGUNDI YANG DIGALAKKAN". Sekiranya pengundi tidak dapat hadir pada masa keluar mengundi yang digalakkan atas sebab-sebab tertentu, pengundi masih boleh keluar mengundi mengikut kelapangan masa dari jam 7.30 pagi hingga 5.00 petang atau berdasarkan waktu mengundi yang diwartakan. Namun demikian, pengundi adalah dinasihatkan untuk tidak keluar mengundi pada saat-saat akhir.
5. Cadangan masa ini bertujuan untuk mengelakkan pengundi berkumpul dalam jumlah yang ramai dan seterusnya memastikan penjarakan fizikal dalam kalangan pengundi semasa berada di pusat mengundi. Ini adalah selaras dengan prosedur kawalan penyebaran wabak Covid-19 di bawah Akta 342 Akta Kawalan Penyakit Berjangkit yang sedang berkuat kuasa.
6. SPR telah mula mengedarkan *voter's card* pada hari ini kepada semua pengundi bagi PRU DUN Sabah Ke-16. Pengundi yang telah menerima *voter's card* tidak lagi perlu menyemak saluran dan nombor bilangan pengundi dalam daftar pemilih di Barung SPR

kerana kedua-dua maklumat berkaitan ada dinyatakan dalam *voter's card* tersebut.

7. SPR menegaskan bahawa pengundi masih perlu membawa kad pengenalan bagi pengesahan identiti untuk mengundi dan diingatkan supaya membawa *voter's card* atau catatan maklumat daftar pemilih pada hari mengundi bagi memudahkan semakan.
  
8. Selain itu, mana-mana pihak yang ingin mendapatkan Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) bagi PRU DUN Sabah Ke-16 boleh membeli DPPR tersebut di Ibu Pejabat SPR, Putrajaya atau di Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah. Sebarang urusan berkaitan pembelian DPPR ini boleh hubungi **03-8892 7018 atau 088-488 588**

Sekian.

**IKMALRUDIN BIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 7 September 2020 / 19 Muharam 1442H